

**NILAI-NILAI ISLAM YANG TERKANDUNG DALAM  
PANTUN ETNIK MELAYU PONTIANAK**

**A B S T R A K**

Pantun merupakan salah satu daripada dua genre puisi Melayu tradisional yang paling muktamad, dan kewujudannya tak dapat dipisahkan daripada kehidupan orang Melayu masa silam. Ia merupakan hasil kesusasteraan asli Melayu, yang lahir dan berkembang dalam masyarakat yang tidak terpelajar, bahkan buta huruf. Penyampaian dan penyebarannya sejak dahulu hanya dilakukan dalam bentuk lisan, namun ia dianggap penting dalam kehidupan orang Melayu, seperti bagi menyampaikan fikiran, perasaan, berhibur, memberi nasihat, pengajaran, dan berdakwah. Dengan perkataan lain, ia berfungsi sebagai alat berkomunikasi tidak langsung antara anggota masyarakat.

Pantun telah lama menjadi bahan kajian daripada sarjana-sarjana tempatan dan luar negeri. Dari luar negeri, misalnya Hans Overbeck (1882-1942), seorang orientalist keturunan Jerman. Hasil kajiannya membuktikan bahawa pantun adalah "kekayaan satu - satunya orang - orang Melayu." Sedangkan dari tempatan, antaranya: Latihan ilmiah yang dilakukan di Fakulti Sains Fizik dan Gunaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (1987) berhasil mensenaraikan 192 jenis flora yang disebut dalam pantun. Kajian lain di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (1991), dengan judul "Perlambangan dalam Pantun Melayu." Kajian tersebut menemukan pelbagai objek fauna dan flora yang diterapkan sebagai lambang dan citra yang indah dalam Pantun Melayu.

Dua kajian berikutnya adalah Eka Henry (1998) di Pontianak (Indonesia), dan Fatimah binti Subet (1999) di Sarawak (Malaysia). Mereka mengkaji pantun dari segi fungsinya dalam masyarakat, iaitu pendidikan dan implikatur. Mereka mendapati bahawa ada nilai-nilai pendidikan dan sepuluh strategi implikatur dalam pantun.

Kajian ini cuba mengkaji fungsi pantun daripada aspek lain, iaitu agama (Islam). Selanjutnya, kajian tersebut berhasil merakam, menyajikan dan mendokumentasikan 1,185 pantun daripada lapan responden. Setelah melalui penyaringan, jumlahnya menjadi 815 pantun yang dapat digunakan untuk tujuan kajian. Analisis terhadap makna-makna yang tersurat dalam maksud pantun dilakukan dengan kaedah *hermenetik*. Analisis berkenaan dibatasi pada *iman*, *ibadah* dan *akhlak*. Hasil analisis tersebut menunjukkan bahawa ada nilai-nilai Islam yang terkandung dalam pantun Etnik Melayu Pontianak. Walaupun harus diakui bahawa penyampaian mereka tidaklah secara sistematik dan amat terbatas jumlahnya.

Pengubahan pantun-pantun tersebut adalah didorong oleh pemahaman dan penghayatan orang Melayu, khasnya ulama atas agama Islam. Selain daripada itu didorong pula oleh semangat mereka untuk berdakwah. Kegiatan sebegini telah menjadi semacam cara bagi ulama Melayu masa silam untuk membantu mempermudah masyarakat dalam mengingat, memahami, menghayati dan mengamalkan Islam dan sekaligus ikut memperkaya konsep budi, sebagai suatu ukuran nilai yang tertinggi daripada masyarakat Melayu tradisional.

**THE ISLAMIC VALUES IN THE PANTUNS OF  
THE MALAYS OF PONTIANAK**

**ABSTRACT**

*Pantun* is one of two definite genres of Malay traditional poetry, and its existence cannot be separated from the life of the Malays. It is an original product of Malay literature, which evolved as an oral tradition in an illiterate society. It is considered as an important part of Malay life, and is used to convey ideas, emotions, advises and instructions. In other words, it functioned as an indirect communicating aids among members of the society.

Pantun has long been the object of study by local as well as foreign scholars. For example, studies by Hans Overbeck (1882-1942), a German orientalist, shows that pantun is "the sole property of the Malays." Locallay, the Faculty of Physical Science, the National University Malaysia (1987) has succeeded in listing 192 species of flora as mentioned in the pantuns. The Department of Malay Letters, the National University Malaysia (1991) has done a study on "The Symbolism in Malay Pantun." The study has revealed that Malaysian flora and fauna has been used as symbols and images in Malay pantuns.

Other studies on Malay Pantuns are also carried out by Eka Henry (1998) in Pontianak (Indonesia) and Fatimah binti Subet (1999) in Sarawak (Malaysia). They tried to relate pantuns to its educational functions in society.

This research attempts to study the function of pantuns from the religious aspect (Islam). This study recorded and documented a total of 1,185 pantuns collected from eight respondents in Pontianak. Of these, 815 pantuns were selected and is very useful for the purpose of this study. The *hermeneutic method* is used to analyse these pantuns. The analysis is then divided into various subtopics such as beliefs, worships and morals (*iman*, *ibadah* and *akhlak*). The outcome of the analysis revealed the existence of Islamic values (beliefs, worships and morals) in the pantuns of Pontianak.

The creation of religious *pantuns* were inspired by the Malay's appreciation of Islam and motivated by their *ulamas*. The *ulamas* themselves were also inspired by their enthusiasm to convey religious messages. Such activities, also enriched the concept of *budi*, the highest norm of Malay traditional value.